

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

TIADA SEKATAN DALAM AKTIVITI RANTAIAN BEKALAN, PEMASARAN MAKANAN DAN E-DAGANG SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (*MOVEMENT CONTROL ORDER*)

- 1) **Aktiviti pembekalan makanan dan e-dagang** yang merangkumi pengeluaran bahan makanan / peruncitan / pembungkusan / pengedaran / pemborongan / pusat pengedaran - *Distribution Centre* serta pengeluar bahan mentah adalah **dibenarkan untuk terus beroperasi mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.**
- 2) **Perkhidmatan logistik dan pengangkutan** yang menyokong rantai bekalan dan pemasaran serta e-dagang bagi pembekalan bahan makanan dan barang keperluan (essential) turut dibenarkan untuk terus beroperasi. **Syarikat-syarikat** yang **menyokong rantai bekalan makanan** dan ditakrifkan sebagai industri hiran / sokongan adalah dibenarkan untuk beroperasi dengan jumlah pekerja pada tahap minima dan mematuhi langkah-langkah pengawalan Covid-19 seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 3) Kebenaran beroperasi adalah selaras dengan takrif sektor yang kritikal (*essential sector*) seperti yang telah diumumkan oleh YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) di dalam perutusan beliau pada 21 Mac 2020. Ini adalah merupakan tanggungjawab kerajaan untuk **memastikan rangkaian pengedaran peruncitan tidak terjejas** sekaligus memberi keyakinan kepada rakyat Malaysia.
- 4) Pihak industri juga diingatkan agar **melaksanakan langkah-langkah pencegahan COVID-19** semasa aktiviti urusniaga berjalan. Antara langkah-langkah yang perlu diambil adalah memastikan hanya pekerja **bebas-gejala dibenarkan memasuki premis pekerjaan,** amalkan "*social distancing*", pencucian tangan yang kerap serta amalan-amalan lain seperti

garis panduan yang telah diberikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak berkuasa lain. Syarikat yang dibenarkan beroperasi turut diarahkan untuk **beroperasi pada kadar paling minimum** atau **menutup perkhidmatan non-essential**. Adalah menjadi tanggungjawab setiap syarikat yang telah diberi kebenaran mematuhi arahan dan mengambil tindakan sewajarnya. Majikan juga perlu menyediakan surat pengesahan kepada setiap pekerja untuk rujukan dan ditunjukkan kepada anggota penguatkuasa apabila diminta.

- 5) Sehubungan itu, rakyat dinasihati agar tidak bimbang dengan bekalan makanan dan keperluan harian kerana ianya dijamin mencukupi. Adalah penting supaya rakyat Malaysia tidak melakukan **pembelian panik atau berlebihan**. Adalah wajar agar pengguna mengamalkan ciri-ciri pengguna bestari dan melaksanakan pembelian terancang.
- 6) Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pihak pemain industri dan orang ramai boleh menghubungi Sekretariat Perdagangan Penedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP) di talian *hotline* **03- 8882 5881/ 5905** atau emelkan kepada spip@kpdnhep.gov.my.

YB Datuk Alexander Nanta Linggi
Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna
Email: alexlinggi@kpdnhep.gov.my
Putrajaya, 25 Mar 2020

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampakan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusan, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :

